

Tipu hidup-hidup

KPDNHEP rampas pakaian 'mewah' RM600,000



PEGAWAI KPDNHEP melakukan pemeriksaan dan rampasan terhadap sebuah butik mewah di Bangsar, semalam.

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Butik pakaian mewah menjadi tumpuan golongan kaya dan VIP berikutan setiap pakaian dijual berharga ribuan ringgit sehelai.

Namun tanpa disedari semua pakaian dijual sebuah butik di Bangsar di sini, adalah pabrik cetak rompak sekali gus membolehkan pemilik premis mengaut keuntungan besar.

Difahamkan butik menjual pakaian mewah jenama terkenal antarabangsa cetak rompak itu, memperagakan pelbagai jenis pakaian yang hampir menyamai kualiti produk tulen.

Penipuan licik itu bagaimanapun terbongkar selepas sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya menyerbu dan merampas pakaian berjenama tiruan itu semalam.

Timbalan Pengarah (Operasi) Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya, Rosli Ahmad berkata, operasi serentak turut dilakukan di dua lagi cawangan premis itu di Dataran Pah-

Tak serik-serik...

Kuala Lumpur: Kerap memalsukan produk terkemuka keluaran usahawan tempatan untuk mendapat keuntungan mudah melalui penjualan barangan tiruan.

Kegiatan jenayah ini dilakukan seorang lelaki tempatan berusia 30-an yang kerap ditahan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak beberapa tahun yang lalu.

Terbaru, suspek ditahan sekali lagi semalam, di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, selepas dikesan memalsukan produk sabun jenama Cleo Secret keluaran syarikat Cleo Secret Sdn Bhd.

Jurucakap KPDNHEP berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat risikan wakil pemilik dan intipan terhadap suspek yang kerap menjadikan produk tempatan sebagai sasaran cetak rompak.

Menurutnya, serbuan dilakukan sepasukan anggota KPDNHEP Pulau Pinang di sebuah banglo milik suspek yang turut dijadikan stor penyimpanan barangan tiruan itu.

"Hasil pemeriksaan kemudian menemui sebanyak 3,039 unit sabun Cleo Secret tiruan disimpan di kediaman itu," katanya.



Ramai pelanggan tidak menyedari ditipu apatah lagi produk berkenaan dijual pada harga sama seperti produk tulen yang mencecah ribuan ringgit sehelai"

Rosli

lawan Melaka dan Tanjung Bungah Pulau Pinang jam 12 tengah hari.

Menurutnya, tiga pasukan membabitkan 18 anggota penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya, Melaka dan Pulau Pinang bersama wakil pemilik cap dagang terbabit dalam serbuan itu.

"Dalam ketiga-tiga pemeriksaan dilakukan di premis menjual pakaian berjenama itu, sejumlah 1,075 helai pa-

kaian berjenama terkenal antarabangsa tiruan dirampas.

"Semua pakaian 'mewah' itu dianggarkan bernilai hampir RM600,000. Pemeriksaan mendapati pakaian tiruan itu dibawa masuk dari luar negara dan memiliki kualiti menyerupai produk tulen," katanya.

Beliau berkata, ramai pelanggan tidak menyedari ditipu apatah lagi produk berkenaan dijual pada harga sama seperti produk tulen yang mencecah ribuan ringgit sehelai.

"Kami turut merampas sebuah kenderaan Honda CRV yang digunakan untuk menyembunyikan pakaian jenama tiruan berkenaan.

"Dalam tiga serbuan itu, kami menahan tiga individu bagi membantu siasatan kes. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019, atas kesalahan mempunyai dalam milikan atau kawalannya barang-barang cap dagangannya dipakai dengan salah untuk tujuan perdagangan," katanya.

Menurutnya, individu yang melakukan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barangan dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar.

Tipu hidup-hidup



PEGAWAI KPDNHEP melakukan pemeriksaan dan rampasan terhadap sebuah butik mewah di Bangsar, semalam.

Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

BUTIK pakaian mewah menjadi tumpuan golongan kaya dan VIP berikutan setiap pakaian dijual berharga ribuan ringgit sehelai.

Namun tanpa disedari semua pakaian dijual sebuah butik di Bangsar di sini, adalah pabrik cetak rompak sekali gus membolehkan pemilik premis mengaut keuntungan besar.

Difahamkan butik menjual pakaian mewah jenama terkenal antarabangsa cetak rompak itu, memperagakan pelbagai jenis pakaian yang hampir menyamai kualiti produk tulen.

Penipuan licik itu bagaimanapun terbongkar selepas sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya menyerbu dan merampas pakaian berjenama tiruan itu semalam.

Timbalan Pengarah (Operasi) Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya, Rosli Ahmad berkata, operasi serentak turut dilakukan di dua lagi cawangan premis itu di Dataran Pahlawan Melaka dan Tanjung Bungah Pulau Pinang jam 12 tengah hari.

Menurutnya, tiga pasukan membabitkan 18 anggota penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya, Melaka dan Pulau Pinang bersama wakil pemilik cap dagang terbabit dalam serbuan itu.

“Dalam ketiga-tiga pemeriksaan dilakukan di premis menjual pakaian berjenama itu, sejumlah 1,075 helai pakaian berjenama terkenal antarabangsa tiruan dirampas.

“Semua pakaian ‘mewah’ itu dianggarkan bernilai hampir RM600,000. Pemeriksaan mendapati pakaian tiruan itu dibawa masuk dari luar negara dan memiliki kualiti menyerupai produk tulen,” katanya.

Beliau berkata, ramai pelanggan tidak menyedari ditipu apatah lagi produk berkenaan dijual pada harga sama seperti produk tulen yang mencecah ribuan ringgit sehelai.

“Kami turut merampas sebuah kenderaan Honda CRV yang digunakan untuk menyembunyikan pakaian jenama tiruan berkenaan.

“Dalam tiga serbuan itu, kami menahan tiga individu bagi membantu siasatan kes. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019, atas kesalahan mempunyai dalam milikan atau kawalannya barang-barang cap dagangannya dipakai dengan salah untuk tujuan perdagangan,” katanya.

Menurutnya, individu yang melakukan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barangan dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 16 January 2020 @ 6:40 AM

